

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

No. Dokumentasi: APTVM 22 (a): 1/2010

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

No. Dokumentasi: APTVM 22 (a): 1/2010

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

| | |
|--|-----|
| Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar | iii |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 2.0 Objektif | 1 |
| 3.0 Skop | 1 |
| 4.0 Definisi | 2 |
| 5.0 Kata Singkatan | 4 |
| 6.0 Arahan Prosedur Tetap Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 4 |
| 6.1 Pembukaan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 4 |
| 6.2 Pengurusan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 6 |
| 6.3 Penutupan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 8 |
| 7.0 Kempen Kesedaran Awam | 9 |
| 8.0 Rujukan | 9 |
| Proses Kerja Pewujudan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 10 |
| Proses Kerja Pengurusan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 10 |
| Proses Kerja Penutupan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 11 |
| Gambarajah 1 : Carta Aliran Kerja Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 12 |
| Lampiran 1 : Contoh Notis Pemberitahuan | 14 |
| Jawatankuasa Penyediaan APTVM Kuarantin Haiwan Berpenyakit | 16 |
| Penghargaan | 17 |

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

Kawalan dan pembasmian penyakit haiwan merupakan salah satu fungsi utama Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam menyediakan suasana penternakan yang menarik kepada industri ternakan. Kuarantin Haiwan Berpenyakit juga merupakan salah satu kaedah kawalan penyakit yang penting ketika berlakunya wabak penyakit. Kaedah kawalan ini telah pun sedia ada terkandung dalam Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

Kuarantin Haiwan Berpenyakit diwujudkan untuk mencegah, mengawal dan menghalang rebakan penyakit haiwan melalui pemindahan dan pergerakan haiwan serta penyembelihan. Pengalaman kita dalam kawalan Penyakit Kuku dan Mulut, Selesema Burung dan Nipah membuktikan bahawa prosedur ini berkesan sekiranya diuruskan dengan baik.

Namun begitu masih terdapat kelemahan yang perlu diatasi dalam pelaksanaan Kuarantin Haiwan Berpenyakit. Langkah pembukaan dan penutupan kuarantin serta ketelitian dalam pengawalan pergerakan dan pemindahan haiwan masih belum sempurna. Status Indeks Penyakit perlu dipantau dari satu tahap kepada tahap yang lain agar sentiasa kemaskini dan disedari oleh semua pihak yang terlibat. Pematuhan kepada prosedur Kuarantin Haiwan Berpenyakit akan membolehkan penyakit dibendung dan dibasmi dengan segera agar industri perdagangan ternakan dapat kembali normal.

Dengan ini diharapkan pengurusan kawalan pergerakan dan pemindahan haiwan dalam kawasan berjangkit akan menjadi lebih teratur. Maka Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Kuarantin Haiwan Berpenyakit hendaklah dijadikan panduan oleh semua Penguasa Veterinar dan Veterinawan Bertauliah dalam mengawal dan mencegah penyakit haiwan dan zoonotik.



Dato' Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

1.0 PENGENALAN

Kuarantin Haiwan Berpenyakit (KHP) adalah suatu kawasan sekatan dalam kawasan terjangkau, kawasan kawalan penyakit atau kawasan pembasmian penyakit mengikut ketetapan Seksyen 36 dan subseksyen 80(2), Akta Binatang 1953 (Semakan 2006). KHP ini bertujuan mengasing dan memisahkan haiwan, hasil, produk, peralatan berkaitan dan premis terjangkau daripada populasi yang masih bebas melalui pengurusan biosekuriti, termasuk tegahan pergerakan, pemindahan dan penyembelihan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merupakan pihak berkuasa veterinar yang bertanggungjawab untuk mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik. KHP ini merupakan salah satu kaedah yang diperuntukkan kuasa kepada DVS untuk mengawal dan membasmi penyakit, menjamin kesejahteraan haiwan dan keselamatan makanan selaras amalan antarabangsa di bawah peraturan Pertubuhan Antarabangsa (OIE) dan undang-undang negara. Maka amat penting bagi semua penguasa veterinar memahami prosedur pembukaan dan penutupan serta pengurusan KHP.

2.0 OBJEKTIF

APTVM Kuarantin Haiwan Berpenyakit (KHP) akan memberikan panduan mengenai proses dan pengurusan KHP dengan tujuan mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik serta menjadi rujukan untuk tegahan pergerakan, pemindahan dan penyembelihan yang dikuatkuasakan oleh DVS.

3.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia ini akan meliputi prosedur berikut:

- 3.1 Pembukaan KHP
- 3.2 Pengurusan KHP
- 3.3 Penutupan KHP

4.0 DEFINISI

4.1 Pegawai Veterinar

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar kerajaan.

4.2 Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

4.3 Kuarantin

Penahanan wajib dalam pengasingan daripada apa-apa haiwan, burung dan benda bagi tujuan pemantauan dan kawalan penyakit bagi kawasan dijangkiti, kawasan kawalan dan kawasan pembasmian.

4.4 Kawasan

Sesuatu kawasan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas kumpulan haiwan dengan taraf kesihatan yang spesifik.

4.5 Kawasan Dijangkiti

Kawasan di mana lokasi berlaku kejadian penyakit yang ditetapkan melalui Protokol Veterinar Malaysia dan diuruskan berpandukan APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.6 Kawasan Kawalan

Kawasan di sekeliling kawasan dijangkiti mengikut keluasan yang bersesuaian dengan penyakit berkenaan yang berkemungkinan akan berlaku rebakan penyakit daripada kawasan dijangkiti.

4.7 Kawasan Pembasmian

Kawasan di mana DVS sedang mengambil langkah pembasmian, samada penyakit masih belum bebas sepenuhnya atau telah pun bebas namun sebahagian langkah pencegahan masih berkuatkuasa.

4.8 Zon

Kawasan yang bersambungan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas sempadannya serta mengandungi kumpulan haiwan yang dipastikan secara spesifik taraf kesihatannya.

4.9 Wabak

Kejadian penyakit berjangkit yang melibatkan lebih dari satu indeks atau gerompok haiwan atau melangkaui satu mukim dan daerah atau melebihi kebiasaan.

4.10 Premis

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemrosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan di mana haiwan, hasil atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau kekal serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan, hasil atau produk haiwan.

4.11 Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

4.12 Penyakit

Apa-apa penyakit yang berjangkit atau jangkitan antara haiwan atau burung yang diisytiharkan dan diwartakan.

4.13 Notis

Dokumen bertulis dari Pihak Berkuasa Veterinar bagi tujuan memberitahu atau memaklumkan kepada pemilik premis, pemilik haiwan dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bentuk surat rasmi, emel atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) berkenaan dengan pengisytiharaan penyakit dan tentang pembukaan serta penutupannya.

5.0 KATA SINGKATAN

- APTVM** - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- DVS** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- GIS** - *Geographical Information System*
- IP** - Indeks Penyakit
- KHP** - Kuarantin Haiwan Berpenyakit
- OIE** - *Offices Internationale des Epizootes*
- PBV** - Pihak Berkuasa Veterinar

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

6.1 Pembukaan Kuarantin Haiwan Berpenyakit

6.1.1 Pewartaan Wabak Penyakit

Bila berlaku atau disyaki berlaku penyakit wajib lapor, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri hendaklah menasihatkan Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk mengisytihar dan mewartakan negeri atau sesuatu kawasan atau bahagian sesebuah negeri menjadi Kawasan Dijangkiti, Kawasan Kawalan Penyakit atau Kawasan Pembasmian Penyakit bagi memastikan kaedah kawalan dan pembasmian penyakit boleh

dijalankan dengan teliti dan mengikut undang-undang dan peraturan sepertimana Subseksyen 36 (1) dan (2) Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006).

6.1.2 Pengisytiharaan Kawalan Penyakit.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri mengeluarkan perintah penyakit yang diisytihar beserta Kawasan Dijangkiti, Kawasan Kawalan Dan Kawasan Pembasmian Penyakit serta hendaklah juga meliputi prosedur KHP.

6.1.3 Penentuan Kawasan Kuarantin

Pihak Berkuasa Veterinar akan menentukan kawasan yang terlibat serta aktiviti bagi setiap kawasan merujuk kepada Protokol Veterinar Malaysia mengikut penyakit yang berkaitan.

6.1.4 Pemberian Notis

Pihak Berkuasa Veterinar akan mengeluarkan notis kuarantin kepada pemilik premis dan pemilik ternakan.

6.1.5. Penandaan kawasan

Pihak Berkuasa Veterinar hendaklah menandakan kawasan tersebut bagi membantu pemilik dan orang awam mengetahui kawasan KHP.

Penandaan sempadan kawasan kuarantin haiwan berpenyakit dilaksanakan dengan menggunakan papan notis, tali rentang biosekuriti, aplikasi GIS, celung mudah alih, pagar yang bersesuaian atau peralatan lain yang sesuai.

6.2 Pengurusan Kuarantin Haiwan Berpenyakit

Pengurusan kuarantin haiwan berpenyakit (KHP) ini melibatkan aktiviti berikut:

6.2.1 Pengendalian Haiwan

Mana-mana haiwan dalam kawasan kuarantin haiwan berpenyakit (KHP) perlu dikurung dengan menggunakan celung mudah alih, pagar elektrik, tali, reban atau kandang, holding yard atau kawasan kurungan yang bersesuaian.

6.2.2 Rawatan

Mana-mana haiwan yang sakit dalam kawasan KHP perlulah diberi rawatan mengikut kesesuaian kes.

6.2.3 Pemvaksinan

Mana-mana haiwan yang dikuarantin, sekiranya perlu divaksin, rujukan hendaklah dibuat kepada APTVM Vaksinasi dan Protokol Veterinar Malaysia mengikut penyakit yang berkenaan.

6.2.4 Penghapusan

Bagi penyakit yang memerlukan penghapusan berpandukan Protokol Veterinar Malaysia, haiwan atau burung hendaklah dihapuskan samada secara individu atau besar-besaran dalam kawasan KHP perlu dilaksanakan berpandukan APTVM Penghapusan dan tertakluk di bawah Seksyen-seksyen 19, 24, 25, 28 dan 33 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

6.2.5 Pemusnahan

Bangunan, kandang, bangsal, petak, sangkar atau tempat serta apa-apa alatan, kelengkapan dan perkakasan yang berkaitan dengan haiwan dan burung berpenyakit dengan merujuk Protokol Veterinar Malaysia; hendaklah dimusnahkan berpandukan APTVM Penghapusan.

6.2.6 Pelupusan

Mana-mana haiwan yang mati di dalam kawasan kuarantin (KHP) dan bangkai/karkas, haiwan/hasiian haiwan/bahan biologic yang dihapuskan dan material dimusnahkan atas perintah Pihak Berkuasa Veterinar hendaklah dilupuskan berpandukan APTVM Penghapusan.

6.2.7 Disinfeksi

Semua kenderaan dan peralatan ladang yang dibawa keluar atau masuk termasuklah orang dan pakaian yang memasuki dan meninggalkan kawasan kuarantin (KHP) berpotensi menyebarkan penyakit perlulah didisinfeksi. Bagi pelaksanaan prosedur ini perlu dibuat rujukan kepada APTVM Disinfeksi dan tertakluk di bawah Seksyen-seksyen 25, 26 dan 27 Akta Binatang 1953 (2006).

6.2.8 Tegahan Pindahan

- i. Pemandahan ternakan keluar dari kawasan yang diisytiharkan sebagai KHP adalah TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Pihak Berkuasa Veterinar hendaklah memastikan tiada pengeluaran permit pindah ternakan melalui sistem e-permit 2 atau apa-apa kaedah pemandahan ternakan keluar dari kawasan KHP. Ini bagi memastikan ternakan yang berpenyakit atau disyaki berpenyakit tidak berpindah bagi tujuan kawalan dan pembasmian penyakit.
- ii. Pemandahan masuk haiwan ke dalam KHP juga ditegah bagi mengelakkan penyakit merebak semula dikalangan haiwan yang baru dibawa masuk.

6.2.9 Tegahan Penyembelihan

PBV hendaklah memastikan kawalan penyembelihan ternakan dalam kawasan KHP

dikuatkuasakan sehingga keadaan pulih dan tegahan ditarik balik.

6.2.10 Kawalan Pergerakan Kenderaan dan Manusia

Semua pergerakan masuk kenderaan, manusia, makhluk perosak dan peralatan yang berpotensi menyebarkan penyakit ke dalam atau keluar daripada KHP hendaklah dikurangkan dan diawasi serta melalui prosedur disinfeksi digaris sempadan KHP. Sekiranya perlu terutama bagi penyakit baru muncul, zoonotik, atau rentas sempadan, sekatan jalan raya juga akan dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia.

6.3 Penutupan Kuarantin Haiwan Berpenyakit

PBV hendaklah memastikan langkah berikut diambil bagi menutup kuarantin haiwan berpenyakit :-

6.3.1 Pemeriksaan Haiwan

Mana-mana haiwan yang berada dalam kawasan KHP hendaklah dibuat surveilan melalui pemeriksaan fizikal dan klinikal, pengambilan sampel serologi bagi mengesahkan tiada lagi penyakit yang aktif berada dalam lingkungan KHP.

6.3.2 Pengesahan Status Penyakit

Melalui pemeriksaan klinikal dan atau ujian makmal, sesuatu KHP yang telah kembali mencapai status Indeks Penyakit (IP) Pulih atau Bebas boleh dipertimbangkan untuk penutupan KHP. Rujuk APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan dan Protokol Veterinar Malaysia untuk penyakit berkenaan.

6.3.3 Pengisytiharaan bebas penyakit

Dalam pengisytiharaan bebas penyakit secara zon atau kepingan, semua maklumat dan keperluan badan antarabangsa perlu diambil kira dan

seterusnya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri akan membuat pengisytiharaan bebas penyakit bagi kawasan, zon atau kepongangan yang sebelum ini telah diisytihar sebagai kawasan berwabak.

6.3.4 Penutupan KHP

Penutupan KHP boleh dibuat apabila PBV berpuas hati kriterianya dipenuhi dan:

- i. Pemilik premis hendaklah dimaklumi melalui notis tentang penutupan KHP.
- ii. Semua bentuk sekatan samada fizikal, tali dan notis hendaklah dibuang.
- iii. Sekatan pergerakan/pemindahan haiwan masuk dan keluar ke dalam kawasan premis tersebut ditarik balik.
- iv. Tegahan sembelih hendaklah ditarik balik.
- v. Kawalan pergerakan kenderaan dan manusia juga ditarik balik.
- vi. Sekatan jalanraya sekiranya diwujudkan akan ditarik balik.
- vii. Namun dinasihati agar premis mengekalkan amalan biosekuriti.

7.0 KEMPEN KESEDARAN AWAM

Kesedaran awam terhadap wabak penyakit perlu dipertingkatkan melalui ceramah, sesi dialog, media massa, poster, risalah dan lain-lain. Sila rujuk APTVM Kempen Kesedaran Awam.

8.0 RUJUKAN

- 8.1 Akta Binatang 1953 (semakan 2006)
- 8.2 APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan
- 8.3 APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara
- 8.4 APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri di Malaysia

- 8.5 APTVM Disinfeksi
- 8.6 APTVM Penghapusan
- 8.7 APTVM Vaksinasi
- 8.8 APTVM Kempen Kesedaran Awam
- 8.9 *Terrestrial Code – OIE*
- 8.10 Protokol Veterinar Malaysia
- 8.11 Protokol-protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan 2003

PROSES KERJA PEWUJUDAN KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

| Bil | Proses Kerja | Tanggungjawab/ Jawatan |
|-----|--|---|
| 1 | Pengesahan penyakit untuk tujuan pengisytiharaan wabak | Makmal Veterinar Kawasan/Institut Penyelidikan Veterinar |
| 2 | Pewartaan Wabak Penyakit | Menteri Besar / Ketua Menteri atas nasihat Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri |
| 3 | Pengisytiharaan Kawasan Kuarantin | Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri |
| 4 | Penentuan Kawasan Kuarantin | Pihak Berkuasa Veterinar (Pegawai Veterinar yang Bertugas) |
| 5 | Pemberian Notis | Pegawai Veterinar bertugas / Pegawai Penguatkuasa |


PROSES KERJA PENGURUSAN KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT


| Bil | Proses Kerja | Tanggungjawab/ Jawatan |
|-----|-------------------------------|---------------------------|
| 1 | Tegahan Pergerakan/Pemindahan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 2 | Tegahan Penyembelihan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 3 | Penandaan Sempadan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 4 | Pengendalian Haiwan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 5 | Rawatan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 6 | Vaksinasi | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 7 | Penghapusan | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 8 | Disinfeksi | Pihak Berkuasa Veterinar |

PROSES KERJA PENUTUPAN KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

| Bil | Proses Kerja | Tanggungjawab/ Jawatan |
|-----|--|--|
| 1 | Pemeriksaan Haiwan | Pihak Berkuasa Veterinar (Pegawai Veterinar yang Bertugas) |
| 2 | Pengesahan Status Penyakit untuk Penutupan KHP | Makmal Veterinar Kawasan / Institut Penyelidikan Veterinar |
| 3 | Pengambilan Maklumat dan Rekod | Pihak Berkuasa Veterinar |
| 4 | Menganalisis Risiko | Pihak Berkuasa Veterinar (Pegawai Veterinar yang Bertugas) |
| 5 | Pengisytiharaan bebas penyakit | Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri |
| 6 | Penutupan Kuarantin Haiwan Berpenyakit | Pihak Berkuasa Veterinar |

Gambarajah 1 : CARTA ALIRAN KERJA KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT





Lampiran 1 : CONTOH NOTIS PEMBERITAHUAN

Rujukan tuan :

Rujukan kami :

Tarikh :

Kepada;

.....

.....

.....

Y.Bhg. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

NOTIS PEMBERITAHUAN KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT DI BAWAH PERINTAH SUBSEKSYEN 36 (1) / (2) , AKTA BINATANG 1953 SEMAKAN 2006

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sehubungan dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Jabatan telah menjalankan siasatan kejadian kes penyakit dan mendapati haiwan No Tag disahkan dijangkiti penyakit

3. Oleh yang demikian di bawah peruntukan Perintah Subseksyen-subseksyen 36(1) / (2), Akta Binatang 1953, Semakan 2006 pihak Tuan adalah diminta mematuhi arahan Kuarantin Haiwan Berpenyakit dan di larang sama sekali memindah masuk dan/atau keluar (di mana berkenaan) haiwan, karkas, peralatan ladang dan makanan ternakan dan menyembelih haiwan atau membawa keluar tanpa kebenaran pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

4. Notis pemberitahuan ini adalah berkuatkuasa serta merta daripada tarikh notis ini dikeluarkan. Di dalam tempoh kuarantin ini, pihak Jabatan akan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa sehingga permis pihak tuan disahkan bebas penyakit tersebut.

5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan di dalam perkara ini amat penting.

Sekian harap maklum.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

.....

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
s.k Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi :

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6472
Email : pro@dvs.gov.my

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM KUARANTIN HAIWAN BERPENYAKIT

Penasihat

Y.H Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

Sidang Pengarang

Dr. Ahmad bin Salleh
Ketua Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Dr. Rahmat bin S. M. Sheriff
Ketua Seksyen Pengurusan Latihan
Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya

Dr. Nahariah Abdullah
Ketua Bahagian Kesihatan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

Dr. Hamidah Helman
Ketua Bahagian Kesihatan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu

En. Roslan Che At
Pegawai Kuarantin
Stesen Kuarantin Haiwan Padang Besar, Perlis

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV
- 7) Semua Pegawai SKAP, IPPV
- 8) Dr. Salina binti Amad Bugis
- 9) Dr. Ahmad Nazri bin Abd Rahman
- 10) En. Soh Tian Siong
- 11) Dr. Nora bt Ismail



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**